



PASUKAN X-Shark terpaksa akur dengan kehebatan UMP A.

# UMP A jaguh ragbi IPT Pahang

Oleh WAN FAKHRUL WAN BAKAR  
fakhrul@kosmo.com.my

PASUKAN Universiti Malaysia Pahang (UMP) A muncul juara Kejohanan Ragbi Antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) Pahang selepas menundukkan pasukan X-Shark dalam perlawanan akhir di Padang Ragbi UMP di Gambang, Kuantan semalam.

Dalam pertemuan petang semalam, UMP A mudah menjinakkan X-Shark yang dibarisi pelajar-pelajar tahun akhir UMP dengan jaringan 19-0 menerusi tiga *try* dan dua *conversion*.

Menurut Pegawai Belia dan Sukan UMP, Mohd. Aznorizamin Ismail, kejohanan selama dua hari itu menampilkan sembilan pasukan dengan dibahagikan kepada dua kum-

pulan.

"Dua pasukan teratas dari setiap pasukan layak ke separuh akhir *Cup* manakala pasukan tempat ke-3 dan ke-4 setiap kumpulan mara ke separuh akhir *Bowl*," katanya kepada KOSMO! semalam.

Sembilan pasukan yang bertanding ialah UMP A, UMP B, X-Shark, Politeknik Sultan Ahmad Shah (Polisas) A, Polisas B, Universiti Tek-

nologi Mara (UiTM) Jengka A, UiTM Jengka B, Kolej Poli-Tech Mara (KPTM) Kuantan dan Kolej Matriculasi Pahang (KMPh).

Bagi kategori *Bowl*, pasukan UiTM Jengka B muncul juara selepas menewaskan pasukan Polisas A dalam perlawanan akhir.

Juara kategori *Cup* menerima RM400 manakala naib juara menerima RM300. Bagi kategori *Bowl*

pula, juara menerima RM150.

"Kesemua pemenang tersebut turut menerima medal bagi setiap pemain dan juga hamper," jelasnya.

Tambah Aznorizamin, kejohanan itu turut mendapat sokongan jenama ragbi terkenal, Canterbury yang membuka gerai jualan sepanjang kejohanan berlangsung selain menaja pakaian urusetia dan pengadil perlawanan.